



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 17/2011 (24 hingga 30 April 2011)

Sepanjang minggu ke-17 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 24 hingga 30 April, sejumlah 362 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, turun sebanyak 34 kes (9%) berbanding dengan 396 kes dengan 2 kematian pada minggu sebelumnya. Walaupun berlaku penurunan kes, masih terdapat 4 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu N.Sembilan yang meningkat sebanyak 11 kes (85%), P.Pinang 8 kes (15%), Melaka 7 kes (700%) dan Pahang meningkat sebanyak 1 kes (9%) (Lampiran A). P.Pinang merupakan negeri yang telah berlaku peningkatan kes selama 3 minggu berturut-turut bermula dari minggu ke-15.

Bermula dari Januari hingga 30 April 2011 sebanyak 7,008 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 9,447 kes berbanding dengan 16,455 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 79% atau 44 kematian, di mana terdapat 12 kematian bagi tahun 2011 berbanding 56 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan di Selangor yang melibatkan seorang lelaki berusia 48 tahun yang bekerja sebagai jurujual di sekitar Selangor. Pesakit yang juga menghidap *hypertension* dan pembawa Hepatitis B meninggal dunia dengan sebab *Dengue Shock Syndrome* selepas seminggu dijangkiti Denggi. Tindakan kawalan iaitu semburan kabus telah dijalankan di kawasan kediaman pesakit bagi memastikan tiada lagi kes jangkitan Demam Denggi di kawasan ini.

Sehingga minggu ke-17, sejumlah 97 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara, turun sebanyak 4 lokaliti berbanding dengan 101 lokaliti pada minggu sebelumnya. Bagi negeri Kedah, Melaka, Sarawak, Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Pada minggu lepas, terdapat 2 lokaliti *hot spots* berlaku iaitu di Apartment Sri Cempaka Seksyen 16 Bandar Bangi, di daerah Hulu Langat dan Las Palmas Apartment Bandar Country Homes di daerah Gombak, setelah 3 minggu berturut-turut tiada lokaliti *hot spots* dilaporkan di seluruh negara.

Sebagai usaha meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan Demam Denggi, pihak Kementerian Kesihatan telah melaksanakan 961 aktiviti ceramah dan sebanyak 1,176,776 keping risalah telah diedarkan di seluruh negara. Aktiviti gotong-royong yang telah dijayakan oleh masyarakat adalah sebanyak 840 aktiviti pada tahun ini. Sebanyak 202 projek COMBI telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai usaha badan ini dalam mencegah Denggi. Oleh itu, diharap kerjasama dalam menghapuskan tempat-tempat pembiakan dan penjagaan kebersihan kawasan masing-masing dapat diteruskan lagi.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 24 hingga 30 April 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 541 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

3 Mei 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2011
(24 hingga 30 April 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 17/2010
		Minggu 17 (24 – 30 April 2011)	Minggu 16 (17 – 23 April 2011)		
1	Perlis	1	3	25	44
2	Kedah	9	10	166	212 (2)
3	P. Pinang	62	54	651 (1)	382 (2)
4	Perak	20	21 (1)	450 (1)	584 (2)
5	Selangor	126 (1)	168	2,535 (3)	7,769 (27)
6	WPKL & Putrajaya	32	34	546	1,896 (4)
7	N. Sembilan	24	13	246	728 (3)
8	Melaka	8	1	162	173 (3)
9	Johor	31	32	703 (4)	1,003 (3)
10	Pahang	12	11	375 (1)	420 (1)
11	Terengganu	6	8	311 (1)	332
12	Kelantan	9	15 (1)	258 (1)	396 (2)
13	Sarawak	13	15	379	1,852 (6)
14	Sabah	9	11	196	656 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	362 (1)	396 (2)	7,008 (12)	16,455 (56)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 17/2011
(24 hingga 30 April 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 17/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 17/2010
		Minggu 17 (24 – 30 April 2011)	Minggu 16 (17 – 23 April 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	17
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	497
14	Sabah	0	0	8	9
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	0	14	541

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA
MINGGU 17 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment Sri Cempaka Seksyen 16 Bandar Bangi	6	35
2	SELANGOR	MPS (GB)	Las Palmas Apartment Bandar Country Homes	9	34

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 17
BAGI TAHUN 2011
(24 hingga 30 April 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Las Palmas Apartment Bandar Country Homes	1.7	2